



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 1 DISEMBER 2025**

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	EMPANGAN MUDA MELIMPAH SUSULAN HUJAN BERPANJANGAN, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 8	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
2.	AIR EMPANGAN MUDA MELIMPAH, NASIONAL, BERITA HARIAN, M/S – 18	
3.	PERLUAS INOVASI NANAS JADI PELET MAKANAN TERNAKAN, NASIONAL, BERITA HARIAN, M/S – 27	LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA (LPNM)
4.	TURNING PINEAPPLE WASTE INTO LIVESTOCK FEED, NATION, THE STAR, M/S – 12	
5.	FLOOD SEASON DOUBLES FISHERMEN'S EARNINGS, NATION, THE STAR, M/S – 8	LAIN – LAIN
6.	PENTERNAK IKAN SANGKAR RUGI PULUHAN RIBU RINGGIT, NASIONAL, BERITA HARIAN, M/S – 19	
7.	KESAN BANJIR KEPADA EKONOMI KECIL, RENCANA, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 14	
8.	1,800 IKAN SIAKAP, TALAPIA TERLEPAS, LOKAL, HARIAN METRO, M/S – 6	
9.	TANGKAP 140KG IKAN DALAM 5 HARI, LOKAL, HARIAN METRO, M/S – 6	
10.	TEMBIKAI SUSU TERAPUNG, PISANG TERENDAM DALAM AIR, NASIONAL, SINAR HARIAN, M/S – 11	
11.	BEKALAN KURANG, HARGA SAYUR NAIK, NASIONAL, SINAR HARIAN, M/S – 11	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/12/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	8

Empangan Muda melimpah susulan hujan berpanjangan

ALOR SETAR: Takungan air di Empangan Muda dekat Sik dilaporkan melimpah awal pagi semalam selepas paras takungannya melepasi aras limpah yang ditetapkan susulan hujan berpanjangan sejak minggu lalu.

Menurut Lembaga Kema-juan Pertanian Muda (MADA), limpahan bermula kira-kira jam 1 pagi apabila air melebihi paras 100.540 meter, namun keadaan masih terkawal dan berada dalam julat operasi normal.

"Setakat pukul 8 pagi, paras air berada pada 100.6907 meter dengan kadar limpahan 168.08 kubik

kaki sesaat (cusec). Semua rekod teknikal telah dihantar kepada agensi berkaitan untuk tindakan pemantauan di lapangan," kata MADA dalam satu kenyataan.

MADA turut memaklumkan paras takungan air di semua empangan di bawah seliaannya menunjukkan peningkatan ketara sejak 23 November lalu berikutan hujan berterusan di kawasan tadahan.

"Empangan Pedu kini direkodkan pada kadar 64.64 peratus, Empangan Muda 101.40 peratus, manakala Empangan Ahning pada 67.34 peratus.

"Peningkatan ini selari dengan jumlah hujan yang tinggi direkodkan dalam tempoh enam hari," katanya.

Sebagai langkah kawalan awal, MADA menutup pelepasan air dari empangan bermula 23 November lalu mengikut prosedur operasi standard (SOP) sebagai persediaan menghadapi cuaca tidak menentu.

"Kami mengambil tindakan awal menutup pelepasan air bagi menstabilkan paras takungan, selain pastikan sebarang tindakan susulan dapat dilaksanakan dengan cepat," katanya.

Air Empangan Muda melimpah

Jumlah mangsa banjir di 10 negeri tidak banyak berubah, 212 PPS dibuka

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
dan Noorazura Abdul Rahman
bhnews@bh.com.my

Alor Setar: Air di Empangan Muda mula melimpah melalui struktur saluran limpah pada jam 1 pagi kelmarin selepas paras air melepasi aras limpah ditetapkan, 100.540 meter (m).

Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dalam satu kenyataan memaklumkan bahawa sehingga jam 8 pagi kelmarin, paras air direkodkan pada 100.69m dengan kadar limpahan 168.08 cusec.

Menurutnya, limpahan berkenaan masih dalam julat operasi normal empangan dan semua rekod teknikal sudah disalurkan kepada agensi berkaitan untuk pemantauan segera di lapangan.

"Sebelum limpahan berlaku, paras takungan air di tiga empangan di bawah seliaan MADA mencatat peningkatan ketara susulan hujan berterusan sejak 23 November.

"Empangan Pedu direkodkan pada paras 64.64 peratus, Empa-

ngan Muda pada 101.40 peratus, manakala Empangan Ahning pada 67.34 peratus," menurut kenyataan itu.

Peningkatan paras air berkenaan seiring dengan jumlah hujan tinggi direkodkan di kawasan tadahan dalam tempoh enam hari, iaitu 117 millimeter (mm) di Empangan Pedu, 160mm di Empangan Muda dan 251mm di Empangan Ahning.

Sebagai langkah kawalan awal, MADA menutup pelepasan air dari empangan mulai 23 November lalu mengikut prosedur operasi standard (SOP).

Perak paling terkesan

Dalam pada itu, jumlah mangsa banjir di 10 negeri tidak banyak berubah apabila sehingga jam 5 petang semalam, sebanyak 16,723 individu masih ditempatkan di 212 pusat pemindahan sementara (PPS).

Menerusi laman sesawang Info Bencana Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Perak menjadi negeri paling tinggi terkesan banjir membabitkan 5,314 mangsa.

Ini diikuti dengan Perlis dengan 3,406 orang, Selangor (3,182), Terengganu (2,338), Kelantan (1,046), Pahang (849), Kedah (467), Negeri Sembilan (99), Sarawak (14) dan Kuala Lumpur, lapang orang.

Bagi status paras air sungai di stesen dan empangan di beberapa negeri, ia turut menunjukkan ka-



Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor meninjau kawasan limpahan air di Empangan Muda, (Foto ihsan UPDA)

dar penurunan dan positif meskipun ada daripadanya sudah melepasi tahap bahaya.

Sehingga jam 6 petang semalam, tujuh empangan dan stesen dilaporkan melebihi paras bahaya, termasuk di Perlis membabitkan Empangan Timah Tasoh serta Perak meliputi Sungai Slim di Slim River serta Sungai Bidor di Changkat Jong.

Selangor membabitkan stesen air di Pintu Air Ijok; Johor (Sungai Muar di Kampung Awat); Terengganu (Sungai Paka di Kampung Luit) serta Kelantan (Sungai Golok di Rantau Panjang).

Sementara itu, sebanyak 14 stesen dan empangan menunjukkan paras air pada tahap waspada iaitu di Kedah (Sungai Kulim);

Selangor (Rantau Panjang, Parit Mahang dan Rimba); Melaka (Cheng dan Rumah Pam Telok Rimba) dan Johor (Sungai Batu Pahat, Sungai Tangkak dan Sungai Paya Dato).

Ia turut membabitkan Terengganu (Sungai Nerus di Kampung Bukit dan Sungai Besut) serta Kelantan (Sungai Golok, Sungai Galas dan Sungai Kelantan).

Perluas inovasi nanas jadi pelet makanan ternakan

Pontian: Langkah berterusan Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) dalam memanfaatkan sisa nanas membolehkan nanas menjadi pelet makanan ternakan yang berpotensi besar dikembangkan bagi kegunaan tempatan serta dieksport ke luar negara.

Ketua Pengarah LPNM, Mohd Khairuzamri M Salleh, berkata inovasi itu bukan sahaja membuka dimensi baharu dalam industri hiliran negara, tetapi turut berupaya mengurangkan keberuntungan terhadap produk import sekali gus menjana dan menambah pendapatan pengusaha tempatan.

Beliau berkata, pihaknya turut menerima permintaan baharu ini daripada syarikat di Jepun yang berminat menggu-

"Kita memberi fokus lebih dalam RMK12 terhadap penghasilan pelbagai produk hiliran berasaskan sisa nanas melalui kerjasama kajian dan antara yang berpotensi tinggi ialah makanan ternakan.

"Segmen ini semestinya menggunakan banyak bahan kan nanas yang boleh digarap dan diformulasikan kepada bentuk lebih baik untuk tujuan penyimpanan, logistik dan sebagainya," katanya.

Sehubungan itu, Mohd Khairuzamri berkata, LPNM akan terus memastikan gerak kerja memperkukuh pembangunan

sisa diteruskan melalui pelaksanaan projek Pengukuhan Inovasi Agroteknologi dan Pengurusan Rantaian Tuisan Ketiga Nanas dalam RMK13.

Sementara itu, Pengarah Bahagian Pembangunan Produk dan Bioteknologi LPNM, Elmie Adha Ismail, berkata setakat ini lima jenis pelet makanan ternakan berjaya dihasilkan dengan kerjasama Universiti Teknologi Malaysia (UTM) selepas melalui beberapa fasa kajian sejak 2021 di bawah RMK12.

Ia merangkumi ternakan arnab, kambing, ikan, ayam dan lembu, dengan penggunaan sekurang-kurangnya 50 peratus kandungan sisa nanas bagi setiap produk pelet berkenaan.

Beliau berkata, kandungan serat yang tinggi dalam sisa na-

nas ialah satu kelebihan dalam penghasilan makanan ternakan, selain diperkukuh dengan campuran nutrien lain, termasuk keperluan protein bagi melengkapi formula pelet yang dibangunkan bersama penyelidikan UTM yang diketuai Dr Aidee Kamal Khamis.

Katanya, pembangunan pelet itu tidak dapat dilaksanakan tanpa peralatan atau mesin pemprosesan yang direka berdasarkan ciri tertentu dan sesuai untuk tanaman nanas.

Justeru, LPNM melalui Bahagian Pembangunan Produk dan Bioteknologi mengambil inisiatif menjalankan kajian dan mencipta beberapa peralatan termasuk mesin pengestrak dan penghancur untuk tujuan berkenaan.

BERNAMA



Mohd Khairuzamri

Turning pineapple waste into livestock feed

Innovation can aid local producers, create export market

PONTIAN: The efforts of the Malaysian Pineapple Industry Board (LPNM) to turn pineapple waste into valuable resources resulted in the development of livestock feed pellets, a breakthrough with potential for domestic use and export.

LPNM director-general Mohd Khairuzamri M Salleh said the innovation not only creates new opportunities in the country's downstream industry but could also help reduce reliance on imported products while boosting income for local producers.

Speaking to Bernama, he said a Japanese firm had recently expressed interest in using LPNM's dried pineapple waste, or "pinapeat", as Wagyu cattle feed, and that samples had been sent to Niigata for suitability testing.

Mohd Khairuzamri said the

innovation, made possible under the development and special allocations of the 12th Malaysia Plan (12MP), reflects LPNM's commitment to the three-stage harvesting approach, positioning pineapple cultivation as a new source of wealth in the agricultural sector.

"Under 12MP, we are placing greater focus on producing a variety of downstream products from pineapple waste through collaborative research, and livestock feed is among those with the highest potential.

"This segment indeed uses a significant portion of pineapple waste, which can be processed and formulated into improved forms for storage, logistics and additional uses," he said.

In this regard, Mohd Khairuzamri said LPNM would continue to ensure efforts to

enhance waste utilisation were maintained through the Agronanas Innovation Enhancement and Third Harvest Chain Management projects under the 13th Malaysia Plan.

Meanwhile, LPNM's Product Development and Biotechnology director Elmie Adha Ismail said that so far, five types of livestock feed pellets had been successfully developed in collaboration with Universiti Teknologi Malaysia (UTM), following research conducted since 2021 under 12MP.

He said it covered feed pellets for rabbits, goats, fish, chicken and cattle, with each product made up of at least 50% pineapple waste.

According to him, the high fibre content of pineapple waste is a key advantage in livestock feed production, complemented by

other nutrients, including protein, in the pellet formulations developed with UTM researchers led by Dr Aidee Kamal Khamis.

Elmie Adha explained that the development of the pellets would not have been possible without processing equipment specifically designed to accommodate the unique characteristics of pineapple crops.

Therefore, he said LPNM, through its Product Development and Biotechnology Division, had taken the initiative to carry out research and develop equipment, including extraction and shredding machines, for this purpose.

"One of the main challenges we encountered previously was the ineffective shredding of pineapple waste, as most machines available were designed for other crops such as oil palm and

napier grass.

"Through our research, we have successfully developed a small-scale shredding machine that meets farmers' needs and can be easily installed without the need for large machinery," he said.

He added that the facilities at the Pineapple Waste Processing Centre (PPSN) in Rompin, Pahang, as well as PPSN Alor Bukit in Pekan Nanas, would be upgraded, while research conducted under 12MP would continue into the commercialisation phase.

Elmie Adha said the government, through the Agriculture and Food Security Ministry, was focusing on using agricultural waste, with LPNM tasked with implementing the pineapple waste industry development project, supported by a RM2mil allocation under 12MP.



Fruits of their labour: LPNM has developed five types of livestock feed pellets, namely for rabbits, goats, fish, chickens and cattle. — Bernama

Flood season doubles fishermen's earnings

PASIR SALAK: The ongoing north-east monsoon turned out to be a stroke of fortune for Sungai Kinta fishermen, allowing them to earn more than they usually do.

Since the water level in Sungai Kinta began to rise on Nov 25, the surrounding areas have once again come alive with fishing activities, with fishermen making frequent trips to check their traps or nets for the day's catch.

Mohamad Rezuan Sabri, 32, said he and his father, Sabri Kachil, 61, had landed about 140kg of various fish species, including lundu, baung, rolu and patin, since the floods struck six days ago.

"We would never miss a chance like this. Even though the flooding did not last long, it almost doubled what we usually make.

"My father and I go out on our boat every day from 8am to 12.30pm, travelling about 15km from Permatang Pelanduk Jetty to Kuala Sungai Kinta, just to catch bigger and more fish," he told Bernama.

Mohamad Rezuan said he placed traps and nets at several spots to ensure each trip produced the best possible catch.

"We put bubu and nets along the riverbanks, where fish usually find their food. We use bait such as oil palm fruit, coconut flesh and fish meat," he said.

Despite having more than 20 years experience making a living on the river, each flood season posed its own challenges, requiring him to remain alert and cautious.

The father of five added that encountering creatures such as



Fresh catch: Kachil cleaning a fish caught using traps and nets at the mouth of the Kinta River by the Kampung Permatang Pelanduk Jetty in Perak.
— Bernama

crocodiles and also floating logs were among the daily risks they faced.

"Whenever we encounter a crocodile, we make sure to stay away. The biggest danger for me is floating logs, as they can damage our boats and put our lives at risk," he said.

The Teluk Intan native also said the flood season enabled fishermen to learn how fish moved with the changing water levels, helping them improve their skills in choosing strategic fishing spots.

He said whenever the water level rose, fish tended to move from deep pools towards the banks, turning shallow areas into prime fishing spots.

"Apart from increasing our catch, this season allowed us to share knowledge and techniques with other fishermen in the area. We exchanged tips on the best spots to set traps or nets," he said.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/12/2025	BERITA HARIAN	NASIONAL	19

Penternak ikan sangkar rugi puluhan ribu ringgit

Arus deras, ribut sejak minggu lalu sebabkan banyak sangkar patah, ikan terlepas

Oleh Siti Rohana Idris
bhnews@bh.com.my

Tumpat: Hampir 100 penternak ikan dalam sangkar di sini, kerugian ratusan ribu ringgit apabila banyak ternakan terlepas akibat kerosakan sangkar.

Ia berikutan arus deras serta ribut sejak minggu lalu menyebabkan banyak sangkar patah dan ikan terlepas.

Penternak di Tanjung Kuala, Mohamad Jaafar, 32, berkata dia kerugian hampir RM20,000 apabila semua ikan dalam tiga petak sangkar terlepas dalam akibat ribut minggu lalu.

Katanya, hujan lebat menyebabkan arus deras serta kepala air menyebabkan tali sauh putus sebelum petak sangkar ikan berselerak dan merempuh sesama sendiri.

"Sangkar pecah dan tiga daripada 20 petak milik saya yang penuh ikan siakap dan talapia pecah menyebabkan kira-kira 1,800 ikan terlepas.

"Setiap tahun ada pelbagai keadaan menyebabkan kami kerugian. Malah tekanan air sejuk atau pertembungan air pasang

juga menjadi faktor banyak ikan mati," katanya ditemui di sini.

Sudah buat laporan

Mohamad berkata, dia dan penternak lain sudah membuat laporan kepada pihak berkuasa, termasuk kepada Jabatan Perikanan dan berharap ada bantu-

an, termasuk benih bagi menggantikan ikan terlepas.

Katanya, setiap penternak masing-masing memiliki antara 20 hingga 60 petak sangkar ikan dan ada daripada ikan yang terlepas itu sudah mencecah berat satu kilogram dan sudah boleh dijual.

Sangkar pecah dan tiga daripada 20 petak milik saya yang penuh ikan siakap dan talapia pecah menyebabkan kira-kira 1,800 ikan terlepas



Mohamad Jaafar,
Penternak
di Tanjung
Kuala



Hampir 100 penternak ikan dalam sangkar kerugian ratusan ribu ringgit apabila banyak ternakan terlepas akibat kerosakan sangkar.
(Foto Nik Abdulhadi Nik Omar, BH)

Kesan banjir kepada ekonomi kecil



Oleh Siti Hadijah Che Mat
dan Norzita Jamil

SETIAP kali hujan turun tanpa henti dan sungai perlahan-lahan meninggi, fokus kita biasanya tertumpu kepada rumah yang terjejas dan pusat pemindahan sementara. Namun terdapat sebuah cerita lain yang jarang diselar kisah tentang ekonomi kecil yang perlahan-lahan terhenti sebelum air sempat mencecah pinggir rumah. Ekonomi kecil inilah yang menjadi nadi kehidupan ramai keluarga tetapi apabila langit mendung terlalu lama, denyut nadi itu mula perlahan. Peniaga pasar malam menutup awal, pembekal menyimpan stok yang tidak habis dan pekerja harian menunggu cuaca kembali bersahabat sambil mengira baki dalam dompet. Di sinilah banjir bukan sekadar air melimpah, tetapi tanda bahawa rezeki sebahagian masyarakat mula terganggu.

Sektor pertanian yang menjadi tulang belakang ramai masyarakat luar bandar turut menanggung kesan yang jauh lebih berat daripada yang kita sering bayangkan.

Bagi penoreh getah, hujan berpanjangan bukan sekadar cuaca buruk; ia adalah penghalang rezeki yang datang tepat di hadapan mata. Getah tidak boleh ditoreh ketika hujan.

Pesawah pula berdepan cabaran yang berbeza tetapi sama pedih. Air berlebihan boleh menenggelamkan anak benih, merosakkan petak sawah atau mengakibatkan kerosakan sistem saliran yang telah lama uzur. Bagi pesawah kecil, satu musim rosak bermaksud pendapatan setengah tahun hilang begitu sahaja. Tidak semua mampu menanggung kos menanam baharu, apatah lagi jika mereka masih menanggung hutang input pertanian. Begitu juga petani sayur yang bergantung kepada cuaca stabil untuk memastikan hasil tidak layu, busuk atau rosak. Hujan tanpa henti menjadikan ladang berlumpur, tanaman reput dan bekalan ke pasar gagal dihantar tepat pada waktunya.



SITUASI ketika ini menunjukkan bahawa ekonomi kecil baik di bandar mahupun desa sangat rapuh ketika berdepan ujian alam seperti bencana banjir.

Sektor pertanian yang menjadi tulang belakang ramai masyarakat luar bandar turut menanggung kesan yang jauh lebih berat daripada yang kita sering bayangkan.

Penternak kecil sama ada ayam kampung, itik, kambing atau lembu turut tidak terkecuali. Kandang yang dinaiki air menyebabkan haiwan mudah sakit, hilang selera makan atau dalam kes lebih teruk, mati akibat kesejukan dan tekanan. Kerugian seekor, dua ekor mungkin nampak kecil bagi orang luar, tetapi bagi penternak tanpa simpanan, itu adalah kehilangan yang sukar diganti.

Peniaga di pasar tani yang tidak dapat membuka gerai, pembekal baja yang kehilangan pelanggan, nelayan sungai yang tidak dapat turun mencari rezeki, semuanya berada dalam satu rantaian rezeki yang terputus.

Situasi ini menunjukkan bahawa ekonomi kecil baik di bandar mahupun desa sangat rapuh ketika berdepan ujian alam. Ekonomi kecil

bergantung sepenuhnya pada cuaca, pelanggan dan keadaan sekeliling. Ia tidak memiliki benteng perlindungan yang kukuh. Ia tidak mempunyai insurans pendapatan, simpanan besar atau modal pusingan yang mampu menahan kejutan berulang. Ia hidup hari demi hari, bergantung kepada rezeki harian yang datang.

Sebab itulah apabila kita berbicara tentang banjir, kita tidak boleh hanya melihat rimah yang ditenggelami air. Ini bukan sekadar cerita tentang banjir atau cuaca buruk. Ia adalah cermin kepada realiti sosial yang memerlukan perhatian lebih serius. Selagi pekerja tidak formal dibiarkan tanpa rangkaian keselamatan yang kukuh, selagi itu mereka akan terus berada dalam risiko yang sama setiap tahun di ambang kesempatan setiap kali langit mula berubah wajah. Kita mungkin tidak dapat mengawal hujan, tetapi kita boleh memperbaiki sistem yang menjaga mereka ketika hujan turun.

Sudah sampai masanya kita berhenti melihat banjir sebagai sekadar air yang melimpah dari sungai dan longkang atau sebagai rutin tahunan yang kita terima dengan pasrah. Banjir sebenarnya adalah cermin besar yang menunjukkan kepada kita betapa banyak sisi masyarakat yang masih rapuh dengan perumahan yang tidak terancang,

kawasan kediaman yang tidak selamat, jurang pendapatan yang melebar, pekerja tidak formal yang tidak dilindungi dan rangkaian sokongan sosial yang tidak cukup kuat. Bila air naik, semua masalah ini timbul ke permukaan, seolah-olah memberi isyarat bahawa isu banjir bukan sekadar fenomena alam tetapi persoalan keadilan sosial dan kesejahteraan rakyat.

Namun, isu yang sebegini besar tidak boleh diletakkan di bahu satu pihak sahaja. Kerajaan, melalui dasar dan perancangan bandar, mempunyai peranan utama dalam memastikan kawasan kediaman tidak dibina di lokasi berisiko tinggi. Perancangan bandar yang lebih teliti, sistem saliran yang dipantau secara berkala, pembangunan yang tidak menginggirkan komuniti B40, dan program mitigasi banjir yang disusun secara jangka panjang adalah antara langkah asas yang perlu diperhalusi. Tidak cukup hanya membina benteng baharu kerana akar masalahnya sering kali lebih dalam daripada itu, ia menyentuh persoalan akses kepada perumahan selamat dan kemampuan rakyat menikmati ruang hidup yang terancang.

Pihak berkuasa tempatan pula memegang peranan yang lebih dekat dengan masyarakat. Penguatkuasaan pembangunan, penyelenggaraan longkang dan sistem perparitan, penjagaan sungai kecil dan

pemantauan kawasan hitam banjir adalah tugas yang menentukan sama ada banjir berlaku atau tidak. Banyak kawasan yang sebenarnya boleh dielakkan banjir jika sistem penyelenggaraan dilaksanakan dengan lebih konsisten, bukan bermusim. Di sinilah kecekapan pihak berkuasa tempatan menjadi garis pemisah antara sekadar "air bertakung" dan "air melimpah".


Dalam masa yang sama, agensi keselamatan perlu terus memperkukuh keupayaan tindak balas kecemasan, bukan hanya dari aspek fizikal, tetapi juga komunikasi dan koordinasi. Kecekapan menyelamatkan serta kecekapan memindahkan mangsa banjir bukan sahaja menyelamatkan nyawa, tetapi turut memberi ketenangan kepada masyarakat yang sedang cemas. Negara yang baik bukan sahaja negara yang memulihkan kerosakan dengan cepat, tetapi juga yang menenangkan rakyatnya ketika mereka sedang diuji.

Akhirnya, penggubal dasar dan pihak akademik juga mempunyai peranan besar dalam memastikan kita bergerak ke hadapan dengan pendekatan yang lebih matang. Kajian, data dan analisis perlu dijadikan asas dalam merangka penyelesaian. Banjir bukan isu yang boleh diselesaikan dengan projek fizikal semata-mata, ia memerlukan pemahaman mendalam tentang ekonomi rakyat, struktur pekerjaan, perumahan dan pola kerentanan masyarakat. Pendekatan holistik yang menggabungkan aspek sosial, ekonomi, persekitaran dan komuniti adalah jalan ke hadapan.

Maka, melihat banjir hanya sebagai fenomena alam sama seperti melihat bayang tanpa memahami tubuhnya. Ia lebih besar, lebih kompleks dan lebih manusiawi daripada apa yang tampak. Jika setiap pihak memainkan peranan masing-masing dengan tekun dan ikhlas, kita bukan sahaja mampu mengurangkan kesan banjir tetapi juga membina masyarakat yang lebih sejahtera, lebih sedia dan lebih kuat menghadapi apa jua ujian alam.

PROFESOR Dr. Siti Hadijah Che Mat dan Dr. Norzita Jamil ialah pensyarah di Institut Dasar Ekonomi dan Kewangan (ECOFI), Pusat Pengajian Ekonomi, Kewangan dan Perbankan (SEFB), Universiti Utara Malaysia (UUM).

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/12/2025	HARIAN METRO	LOKAL	6



PENTERNAK ikan di Laguna Sri Tujoh memeriksa sangkar ikan yang rosak akibat arus deras.

1,800 ikan siakap, talapia terlepas

Penternak kerugian RM20,000 arus deras rosakkan sangkar

Oleh Siti Rohana Idris
am@hmetro.com.my

Tumpat

Hampir 100 penter-nak ikan dalam sangkar di sini berdepan kerugian mencecah ratusan ribu ringgit apabila banyak ternakan terlepas.

Ia berikutan arus deras disertai ribut sejak minggu lalu yang menyebabkan banyak sangkar patah dan ikan terlepas.

Penternak ikan dalam sangkar di Tanjung Kuala, Mohamad Jaafar, 32, berkata, dia kerugian hampir RM20,000 apabila ikan yang ditenak dalam tiga petak sangkar terlepas akibat ribut minggu lalu.

Dia berkata, hujan lebat yang menghasilkan aliran deras termasuk kepala air menyebabkan putus tali sauh sebelum petak sangkar berselerak dan merempuh sesama sendiri.

"Sangkar pecah dan tiga daripada 20 petak milik saya yang penuh dengan ikan siakap dan talapia pecah menyebabkan kira-kira 1,800 ikan terlepas.

"Setiap tahun memang ada sahaja kerugian yang ditanggung oleh kami sebagai penter-nak ikan malah tekanan air yang sejuk atau pertembungan air pasang juga menjadi fak-



Setiap tahun memang ada sahaja kerugian yang ditanggung oleh kami sebagai penter-nak ikan, malah tekanan air yang sejuk atau pertembungan air pasang juga menjadi faktor banyak ikan mati"

Mohamad Jaafar

tor banyak ikan mati," katanya ketika ditemui di sini.

Mohamad berkata, dia dan penter-nak lain sudah membuat laporan kepada Jabatan Perikanan dan berharap ada bantuan yang disediakan termasuk benih bagi menggantikan ikan yang terlepas.



Katanya, setiap penter-nak memiliki antara 20 hingga 60 petak sangkar dan ada daripada ikan yang terlepas itu sudah mencecah berat satu kilogram (kg) serta sudah boleh dijual.

"Kami anggap bukan rezeki kami, sebaliknya rezeki orang lain apabila ramai juga yang datang memancing dan mendapat hasil ikan yang terlepas itu," katanya.

Penternak ikan marin di Laguna Sri Tujoh, Abdul Rahman Hamid, 56, berkata, kejadian hentaman arus deras beberapa hari lalu menyebabkan banyak sangkar ikannya patah.

Dia bagaimanapun masih bernasib baik kerana

semua ikan di 40 petak sangkar tidak terlepas dan dia membuat kerja pembaikan segera.

"Ada penter-nak lain di kawasan ini yang kerugian besar apabila 14 petak sangkar patah dan kira-kira 7,000 ekor ikan yang sudah boleh dijual, terlepas begitu sahaja. Seperti biasa, ramai orang akan memancing atau menjala di sekitar ini untuk mendapatkan hasil ikan terlepas itu.

"Biasanya akan ada sekali lagi kejadian air pasang besar pada musim tengkujuh dan kami bersiap semampunya dengan menguatkan tali sauh serta mengukuhkan petak sangkar," katanya.

Tangkap 140kg ikan dalam 5 hari

Pasir Salak: Monsun Timur Laut (MTL) yang melanda tidak dianggap sebagai satu musibah sebaliknya membuka pintu rezeki kepada nelayan Sungai Kinta di sini memperoleh pendapatan lebih tinggi berbanding kebiasaan.

Sejak paras air Sungai Kinta mula meningkat pada 25 November lalu, kawasan itu kembali meriah dengan aktiviti penangkapan ikan dengan nelayan berulang-alik memeriksa bubu dan jaring bagi melihat hasil tangkapan setiap hari.

Mohamad Rezuan Sabri, 32, berkata, sejak banjir melanda lima hari lalu, dia bersama bapanya, Sabri Kachil, 61, berjaya mendaratkan pelbagai spesies ikan dengan jumlah keseluruhan kira-kira 140 kilogram.

Dia berkata, antara spesies yang berjaya dinaikkan adalah seperti ikan lundu, baung, rohu, patin dan sebagainya.

"Alhamdulillah, boleh katakan peluang seumpama ini kami takkan lepaskan untuk melakukan aktiviti seumpama ini. Walaupun tak lama (banjir), ia meningkatkan pendapatan kami hampir sekali

ganda berbanding kebiasaan.

"Saya dan ayah akan turun menaiki bot kami setiap hari (8 pagi hingga 12.30 tengah hari) dari Jeti Permatang Pelanduk ke Kuala Sungai Kinta yang berjarak kira-kira 15 kilometer semata-mata untuk cari ikan lebih banyak dan bersaiz mega di lokasi itu," katanya kepada BERNAMA, semalam.

Mohamad Rezuan berkata, bagi memastikan setiap tangkapan memberikan hasil maksimum, dia memasang bubu dan menahan jaring di beberapa lokasi yang dirasakan sesuai.

"Kami banyak letak bubu dan jaring di kawasan-kawasan tebing sungai. Kawasan ini kebiasaannya menjadi tempat ikan bermain dan mencari makan manakala umpan yang digunakan ialah sawit, isi kelapa dan isi ikan," katanya.

Sementara itu, Sabri berkata, meskipun mempunyai pengalaman lebih 20 tahun mencari rezeki di sungai berkenaan, setiap musim banjir tetap memberikan cabaran tersendiri yang memerlukan perhatian dan kewaspadaan tinggi.



SABRI menunjukkan ikan rohu hasil tangkapan menggunakan bubu dan jaring di muara Sungai Kinta.



IKAN lundu, baung, rohu dan patin antara hasil tangkapan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/12/2025	SINAR HARIAN	NASIONAL	11

Tembikai susu terapung, pisang terendam dalam air



Jefneri menunjukkan tembikai susu yang ditanam terapung akibat banjir di kebunnya di Kampung Sungai Nipah Darat.

BAGAN DATUK - Musibah banjir yang melanda daerah Bagan Datuk bukan sahaja menjejaskan kediaman penduduk malah turut merosakkan tanaman yang diusahakan petani setempat.

Seorang petani, Jefneri Tajab, 46, berkata, sepanjang terlibat dalam bidang pertanian sejak tahun 2008, banjir teruk seperti itu pertama kali dialami sehingga menyebabkan tanaman tembikai susu seluas dua hektar dan pisang seluas empat hektar musnah.

"Saya sendiri memang tak sangka banjir kali ini teruk sebab kali terakhir terjadi seperti ini pada tahun 1984. Kalau air naik sebelum ini tidaklah sampai kebun. Saya cuma sempat tuai tembikai susu dalam dua tan lebih yang lain semua sudah terapung sebab banjir.

"Begitu juga dengan pisang yang sebahagiannya terpaksa diambil menaiki sampan dan sebahagian lagi menunggu masa kira-kira sebulan lagi untuk dituai tetapi tidak sempat juga," katanya ketika ditemui di

kebunnya di Kampung Parit Tengah di sini pada Ahad.

Jelas Jefneri, keseluruhan tembikai susu dan pisang pelbagai jenis yang tidak sempat dituai dianggarkan sebanyak 20 tan metrik dengan nilai kerugian sekitar RM40,000.

"Selepas pulih banjir ini, saya rancang nak kembali menanam tembikai susu untuk pasaran menjelang Tahun Baharu Cina dan Hari Raya Aidilfitri kerana kebiasaannya permintaan tinggi," jelasnya.

Sementara itu, Exco Pembangunan Luar Bandar, Perladangan, Pertanian dan Industri Makanan Perak, Datuk Mohd Zolkafly Harun berkata, usahawan tani dan penternak di Perak yang terjejas banjir akan menerima bantuan di bawah Tabung Bencana Pertanian (TBP) dan Tabung Bencana Tanaman Padi (TBTP).

Jelasnya, ketika ini agensi berkaitan sedang memantau dan mengumpulkan maklumat mengenai petani serta penternak yang terjejas banjir.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/12/2025	SINAR HARIAN	NASIONAL	11

Bekalan kurang, harga sayur naik

KUANTAN - Hujan berterusan sejak beberapa hari lalu menjejaskan bekalan sayur daripada pekebun dan pembekal sekali gus mendorong kenaikan harga sekitar 55 peratus.

Tinjauan *Sinar Harian* di pasar tani di daerah ini mendapati sayur seperti bendi, kacang panjang, terung, tomato, cili padi, sawi dan kangkung mencatatkan harga lebih tinggi berbanding minggu lalu.

Peniaga, Zainal Muhammad, 51, berkata, kenaikan harga sayur adalah perkara biasa setiap kali musim tengkujuh.

"Bila hujan, banyak kebun sayur dinaiki air dan terjejas, jadi itulah sebab harga naik sedikit.

"Setakat hari ini (Ahad), bendi paling mahal iaitu sekitar RM9 sekilogram manakala kangkung serta sawi pula cecah RM7 sekilogram," katanya ketika ditemui di pasar tani Kuantan pada Ahad.



ZAINAL

Seorang lagi peniaga, Yusri Yaakob, 52, memberitahu, semua jenis sayur mengalami kenaikan harga antara RM5 hingga RM8 sekilogram dan dijangka berlarutan sehingga penghujung tahun ini.

"Contohnya tomato naik daripada RM4 ke RM7 hingga RM8 sekilogram manakala lada Vietnam daripada RM18 sekotak naik ke RM22," jelasnya.

Sementara itu, Muhaini Muhammad, 50, berkata, cabaran terbesar mereka ialah berdepan dengan bekalan yang tidak mencukupi.

"Kadang-kadang kita hanya dapat ambil stok sedikit kerana kebun dinaiki air dan sayur lambat matang.

"Keadaan ini memaksa kami mengehadkan kuantiti pembungkusan supaya lebih ramai pelanggan dapat membeli," ujarinya.